

20 SEP 2002
Belanjawan-Bonus/I
SEBULAN BONUS BAGI KAKITANGAN AWAM

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Hampir satu juta kakitangan awam di negara ini akan menerima bonus satu bulan gaji atau minimum RM1,200 sebagai penghargaan terhadap sumbangan dan pengorbanan mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan membuat pengumuman itu semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat.

"Saya berharap wang ini dapat mengurangkan beban terutama mereka yang bergaji rendah untuk perbelanjaan hari perayaan dan persekolahan anak-anak.

"Bagi anggota-anggota perkhidmatan awam, termasuk Angkatan Tentera dan Polis, negara terhutang budi di atas sumbangan dan pengorbanan mereka," katanya.

Tanpa profesionalisme mereka serta pengurusan pentadbiran yang cekap, negara tidak akan dapat menikmati pertumbuhan ekonomi yang baik, katanya.

Melalui belanjawan lepas, kerajaan memberi bonus setengah bulan gaji atau jumlah minimum RM1,000 kepada kakitangan awam serta satu kenaikan gaji 10 peratus kepada mereka.

Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang sentiasa memberi sokongan padu dan berdiri teguh di belakang kerajaan semasa susah mahu pun dan senang.

Katanya pekerja sektor swasta telah bertungkus lumus bekerja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan tidak mengadakan sebarang mogok walaupun gaji mereka tidak seperti yang dituntut mereka dan adakalanya mereka terpaksa diberhentikan.

-- BERNAMA

RV AHH SP JK RON